

[UNTUK SIARAN SEGERA]

Kekal dilindungi bermula dari RM1.67,
SeaMoney Malaysia dan Zurich Malaysia memperkenalkan Insurans Kemalangan Peribadi yang
baharu dan mudah diakses

*Tersedia di aplikasi Shopee, insurans baharu di bawah [Zurich Edge](#) melindungi pengguna
daripada kemalangan dan kecederaan yang tidak diduga*



The graphic features a blue background with the Zurich logo at the top left. In the center, a large red shield with a white checkmark is surrounded by illustrations of a person in a wheelchair, a person with a stethoscope, and a doctor. A red heart with a pulse line is also visible. At the bottom right, a red box with a white cross and the text 'DISKAUN 25%' is shown. The text 'PERLINDUNGAN KEMALANGAN DIRI' is prominently displayed in white, with 'Bermula Dari RM1.67 Sebulan' in yellow below it. A small note at the bottom left reads '*Tertakluk Pada Terma Dan Syarat.'.

**PERLINDUNGAN
KEMALANGAN DIRI**
Bermula Dari RM1.67 Sebulan

*Tertakluk Pada Terma Dan Syarat.

DISKAUN
25%

Kuala Lumpur, 12 Jun 2024 - Didorong oleh usaha untuk menyediakan akses mudah kepada insurans mampu milik, SeaMoney, cabang perkhidmatan kewangan Sea Limited, memperkenalkan insurans Kemalangan Peribadi yang baharu dengan kerjasama dan ditaja jamin oleh Zurich General Insurance Malaysia Berhad. Insurans ini bertujuan untuk memastikan penggunaanya dilindungi dan bersedia dalam sebarang kes kemalangan atau kecederaan tidak diduga.

Tersedia di aplikasi Shopee, pelan insurans ini bermula dari harga serendah RM1.67/bulan atau RM20 untuk pembelian tahunan Pelan Asas, manakala Pelan Emas boleh didapati dengan pembelian tahunan RM50.

Insurans ini melindungi sebarang bentuk kecederaan badan atau hilang upaya yang disebabkan oleh kejadian tidak diduga. Pelan Asas menyediakan jumlah perlindungan insurans sebanyak RM18,000 bagi kes kematian akibat kemalangan dan hilang upaya kekal, manakala jumlah perlindungan untuk Pelan Emas adalah sebanyak RM40,000. Selain itu, ia juga melindungi perbelanjaan hospital sehingga RM50/hari selama 15 hari (Pelan Asas) atau 60 hari (Pelan Emas).

Pengguna Pelan Emas boleh mendapatkan manfaat tambahan termasuk elaun hospital sebanyak RM50/hari selama 60 hari bagi kes kemasukan ke hospital akibat penyakit bawaan vektor, dan jumlah perlindungan sebanyak RM500 untuk perbelanjaan pengebumian bagi kes kematian akibat kemalangan.

Perlindungan	Pelan Asas	Pelan Emas
Kematian Akibat Kemalangan & Hilang Upaya Kekal	RM18,000	RM40,000
Pendapatan Hospital akibat Kemalangan	RM50 sehari (sehingga 15 hari)	RM50 sehari (sehingga 60 hari)
Pendapatan Hospital akibat Penyakit Bawaan Vektor	n/a	RM50 sehari (sehingga 60 hari)
Perbelanjaan Pengebumian (kematian akibat kemalangan)	n/a	RM500

Perlindungan terperinci terpakai untuk pelan dewasa


“Dengan populasi digital yang semakin meningkat, rakyat Malaysia daripada pelbagai demografi kini mempunyai akses kepada pelbagai perkhidmatan digital yang memudahkan kehidupan seharian mereka.” **Alain Yee, Ketua SeaMoney** berkongsi pendapat. “Di SeaMoney, kami berhasrat mengurangkan halangan untuk rakyat mengakses perkhidmatan kewangan, termasuk insurans peribadi, dan kami bersyukur kerana Zurich Malaysia menyertai kami dalam usaha ini untuk menjadikan insurans lebih mudah diakses dan mampu milik untuk semua rakyat Malaysia.”

Mengulas mengenai kerjasama itu, **Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara/Ketua Zurich Malaysia**, berkata, “Bekerjasama untuk meningkatkan nilai dan membawa manfaat bersama kepada rakyat Malaysia adalah prinsip asas bagi kami di Zurich Malaysia. Orang ramai semakin celik teknologi, oleh itu kami komited untuk terus memberi perkhidmatan yang bermakna kepada pelanggan dan membantu mereka melindungi kesejahteraan, keselamatan dan kewangan serta segala perkara yang bermakna kepada mereka. Kami gembira untuk menawarkan Zurich Edge kepada SeaMoney, yang membolehkan pengalaman pengguna yang lancar, diperibadikan dan lebih berkaitan. Kami berbesar hati dapat bekerjasama untuk memastikan rakyat Malaysia selamat dan dilindungi daripada situasi yang tidak diduga.”


Bersempena dengan pelancaran Pelan Kemalangan Peribadi Zurich di aplikasi Shopee, pengguna yang membeli insurans akan menerima diskaun automatik 25% apabila mereka membeli Pelan Emas. Selain itu, pengguna boleh memilih untuk membayar pelan mereka melalui pelbagai kaedah pembayaran yang fleksibel, termasuk pelan ansuran sehingga 12 bulan apabila mereka menggunakan SPayLater dan menerima rebat apabila menggunakan Shopee Coins semasa pembayaran.

Tersedia di aplikasi Shopee, pembelian insurans Kemalangan Peribadi Zurich boleh diselesaikan dalam masa kurang dari 3 minit:


Langkah 1: Buka aplikasi Shopee dan tuju ke halaman “Saya”. Selepas itu, tekan “Insurans Saya”




Langkah 2: Bawah “Polisi Saya” tekan “Teroka Sekarang”



Langkah 3: Pilih insurans “Kemalangan Diri”



Langkah 4: Kini anda boleh memilih pelan insurans yang diinginkan serta mengisi butiran diri dan selesaikan pembelian insurans anda.



*Tertakluk pada terma dan syarat

Mengenai SeaMoney

SeaMoney adalah pembekal perkhidmatan pembayaran digital dan kewangan utama di Asia Tenggara. Misi SeaMoney adalah untuk meningkatkan kualiti hidup individu dan perniagaan serantau dengan perkhidmatan kewangan melalui teknologi. Penawaran SeaMoney termasuk dompet mudah alihnya, ShopeePay, yang memberikan pengguna pilihan pembayaran yang mudah, selamat, secara dalam talian dan luar talian. SeaMoney juga menawarkan perkhidmatan lain termasuk SPayLater, sebuah kaedah penyelesaian pembiayaan pengguna yang membolehkan pengguna mendapat fleksibiliti kewangan dengan kurang sekatan; serta perkhidmatan kewangan digital lain seperti mikro-pinjaman untuk pengguna dan perniagaan.

Sealnsure Agency Malaysia Sdn. Bhd. ialah ejen korporat yang dilantik untuk bertindak sebagai pihak penanggung insurans berkenaan dengan pengedaran produk insurans di platform Shopee.

Tentang Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my.

About Zurich Edge

Zurich Edge is a flagship digital partnerships proposition that delivers tailored and innovative solutions for customers within a partner's ecosystem. With its open architecture full-stack platform, Zurich Edge enables seamless journeys, personalized experiences, and optimization capabilities to drive deeper engagement with digital consumers and unlock unparalleled value for partners' businesses. Leveraging Zurich's strong insurance expertise, Zurich Edge comes with a dedicated digital squad in each Asia Pacific market to co-create and launch insurance opportunities that deliver competitive advantages.